



PEKELILING MAJIKAN BIL. 4/2001

KEPERLUAN MENGEMUKAKAN BORANG TUNTUTAN UNTUK MENDAPATKAN BAYARAN GERAN LATIHAN

1. Tujuan

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai keperluan untuk mengemukakan borang tuntutan mengikuti skim latihan sebelum geran latihan atau bayaran balik kos latihan dapat dilakukan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

2. LATAR BELAKANG

Mengikuti statistik yang dikumpul, adalah didapati bahawa amaun geran latihan yang diluluskan oleh Majlis adalah lebih banyak daripada yang sebenarnya dibayar kepada majikan. Perbezaan ini berlaku kerana terdapat segolongan **majikan telah tidak membuat tuntutan dan mengangapkan kelulusan geran latihan yang diberikan sudah memadai untuk mendapat bayaran balik kos latihan secara automatik.**

3. LANGKAH YANG PERLU DIIKUTI

3.1 Bayaran geran latihan yang diamalkan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia adalah berdasarkan konsep *reimbursement basis* iaitu majikan membayar dahulu kos latihan yang diikuti dan kemudiannya baru menuntut bayaran balik kos latihan tersebut dengan mengemukakan borang tuntutan mengikut skim-skim tertentu.

3.2 Secara ringkasnya, pihak majikan perlu mengikuti tiga langkah berikut sebelum pihak Majlis dapat membuat bayaran balik kos latihan :

Langkah Pertama	-	Memohon kelulusan untuk mengikuti kursus (perlu dikemukakan kepada Bahagian Geran Latihan, MPSM atau pejabat-pejabat Cawangan MPSM)
Langkah Kedua	-	Membuat bayaran kepada penyedia latihan dan mengikuti kursus yang telah diluluskan
Langkah Ketiga	-	Mengemukakan tuntutan bersertakan dengan resit dan dokumen lain (perlu dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, MPSM sahaja)

3.3 Walaupun konsep di atas terpakai secara umumnya tetapi ianya tidak terpakai bagi skim-skim latihan di mana yuran latihan dicajkan terus oleh penyedia latihan kepada pihak Majlis seperti bagi Skim PERLA, SBL-PKS dan lain-lain

program khas yang dijalankan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

4. **PENUTUP**

Majikan adalah diminta untuk memahami sepenuhnya **konsep memohon kelulusan-mengemuka tuntutan** yang diamalkan kerana pihak Majlis tidak seharusnya dipersalahkan terhadap sebarang kelewatan dalam pembayaran geran latihan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" LATIHAN BERTERUSAN PEMANGKIN KECEMERLANGAN "

" K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)

Pengarah Kewangan

b.p. Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan Sumber Manusia